

## KHIDMAT BANTUAN GUAMAN BAGI INDIVIDU YANG KEHILANGAN PEKERJAAN AKIBAT DARIPADA WABAK COVID-19

Norman Zakiyy<sup>i</sup>, Nur Suhaida Che Musa<sup>ii</sup>, Zahari Mahad Musa<sup>iii</sup>, Zulfakar Mamat<sup>iv</sup>, Noor Fajri Ismail<sup>v</sup>

<sup>i</sup> (Penulis Koresponden) Pensyarah, Fakulti Syariah and Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Penulis juga adalah Ketua Unit Penyelidikan dan Penerbitan, Klinik Guaman Universiti Sains Islam Malaysia

E-mail: [zakiyy@usim.edu.my](mailto:zakiyy@usim.edu.my)

<sup>ii</sup>Pensyarah, Fakulti Syariah and Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Penulis juga adalah Penyelaras Klinik Guaman dan Ketua Unit Latihan dan Konsultasi (Undang-Undang dan Syariah) Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>iii</sup>Pensyarah, Fakulti Syariah and Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Penulis juga adalah Ketua Unit Latihan dan Konsultasi (Pusaka dan Pewarisan) Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>iv</sup>Pensyarah, Fakulti Syariah and Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Penulis juga adalah Ketua Unit Bicara Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia

<sup>v</sup>Pensyarah, Fakulti Syariah and Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

### Abstrak

*Secara umumnya, individu yang tidak celik undang-undang harus mendapatkan nasihat guaman berhubung dengan isu undang-undang yang dihadapinya agar kepentingannya terjaga. Perkhidmatan tersebut dikenakan fi guaman. Walau bagaimanapun, individu yang kehilangan punca pendapatan atau pekerjaan terutamanya di era wabak COVID-19 ini mungkin menghadapi masalah kewangan untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut. Penulisan ini membincangkan perkara berikut: (a) pandangan Islam mengenai amalan memberi bantuan; (c) bentuk bantuan guaman yang amat diperlukan oleh golongan ini; (d) organisasi-organisasi utama yang dapat menyalurkan bantuan guaman kepada golongan yang memerlukan dalam situasi wabak COVID-19; dan (e) cabaran yang dihadapi oleh pemberi bantuan guaman. Adalah didapati masalah kehilangan punca pendapatan kesan daripada wabak COVID-19 mencetuskan pelbagai masalah perundangan dan sosial bersangkutan dengan kehidupan individu, keluarga dan masyarakat. Kepincangan dalam kehidupan masyarakat akibat daripada kehilangan punca pendapatan atau pekerjaan ini dapat diringankan dengan pemberian bantuan guaman secara percuma atau pun dengan fi minimal oleh organisasi kerajaan dan organisasi bukan kerajaan serta bantuan daripada peguam sukarela. Adalah dicadangkan agar kerajaan terus memberi galakan kepada usaha pemberian khidmat guaman secara percuma kepada ahli masyarakat yang memerlukan.*

Kata kunci: *Bantuan guaman, kehilangan pekerjaan, COVID-19*

### PENDAHULUAN

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah dan sedang berusaha untuk menangani penularan COVID-19 di dalam masyarakat. Usaha ini dapat dilihat melalui pelbagai bentuk perintah kawalan pergerakan iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD),

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Usaha mengawal penularan COVID-19 bukan suatu yang baharu kerana telah pun dimulai sejak pengesanan kes pertama di Malaysia sekitar awal tahun 2020. Setelah lebih daripada setahun berjuang tanpa mengenal erti kalah, usaha mengawal penularan COVID-19 masih dipergiatkan dari semasa ke semasa dengan pengenalan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang diperketatkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Perintah kawalan pergerakan yang bersambung dan secara berterusan pula menunjukkan bahawa masyarakat perlu berusaha bersama secara serius dalam hentikan wabak COVID-19 memandangkan kes positif harian yang meningkat. Lazimnya, hampir semua sektor penting terjejas akibat daripada wabak ini. Ini termasuk pekerjaan, pelancongan, perkilangan dan pembuatan, penerbangan serta perdagangan. Keadaan menjadi kritikal apabila sebahagian masyarakat kehilangan pekerjaan. Walaupun pelaksanaan pakej PEMULIH bertumpu kepada penerusan Agenda Prihatin Rakyat, sokongan kepada perniagaan dan meningkatkan vaksinasi, situasi kehilangan pekerjaan masih tidak dapat dielakkan.

## **KEHILANGAN PEKERJAAN AKIBAT WABAK COVID-19 DAN HAK BEKERJA**

Seiring dengan usaha untuk melindungi kesihatan masyarakat, kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai plan pemulihan ekonomi bagi mengurangkan permasalahan kewangan yang dihadapi oleh masyarakat. Namun, kehilangan pekerjaan masih berterusan.

Dilema kehilangan punca pendapatan merupakan suatu yang sangat dikhuatiri oleh semua orang terutamanya bagi yang mempunyai tanggungan keluarga. Hak seseorang pekerja terhadap jaminan kerja (security of tenure in employment/ job security) adalah suatu yang diiktiraf oleh Mahkamah di Malaysia. Di dalam *Hong Leong Equipment Sdn Bhd v Liew Fook Chuan* [1996] 1 MLJ 481 di halaman 501, Gopal Sri Ram, Hakim Mahkamah Rayuan (pada ketika itu) memutuskan bagi pihak Mahkamah Rayuan bahawa: "Quite apart from being a proprietary right, the right to livelihood is one of the fundamental liberties guaranteed under Part II of the Federal Constitution." Keputusan Mahkamah Rayuan ini turut diikuti oleh beberapa kes autoritatif yang lain (lihat kes-kes seperti *Ang Beng Teik v Pan Global Textile Bhd, Penang* [1996] 4 CLJ 313 di halaman 323, CA; dan *The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd v Chong Lee Fah* [2003] 2 ILR 239. 2 [1997] 1 MLJ 145 di halaman 190, Mahkamah Persekutuan.

Secara umumnya, hak seseorang individu terhadap harta adalah termaktub di bawah Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 13(1) menyatakan secara spesifik bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut

undang-undang. Perkara 13(2) pula menyatakan tiada undang-undang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta secara paksaan tanpa pemberian pampasan yang memadai. Berdasarkan analisa keputusan mahkamah tersebut dan Perlembagaan Malaysia, maka dapat disimpulkan bahawa hak bekerja bukan sahaja diiktiraf dari segi undang-undang, malah disamakan dengan hak seseorang untuk memiliki harta. Interpretasi "right to life" yang disebut bawah Perkara 5(1) of the Perlembagaan Persekutuan adalah merangkumi hak asasi seseorang terhadap "right to livelihood". Hak terhadap harta ("rights to property") merujuk kepada kuasa yang ada pada individu terhadap sesebuah harta.

Namun begitu, jaminan dari segi perundangan terhadap hak seorang pekerja terhadap kerjanya tidak dapat mengawal tindakan majikan daripada menamatkan khidmat pekerja sekiranya sering berdepan dengan masalah kewangan berpanjangan akibat daripada wabak COVID-19. Pun begitu, majikan sendiri (sama ada bekerja sendiri ataupun sebaliknya) turut boleh terkesan dengan pandemik COVID-19 dan seterusnya kehilangan punca pendapatan.

Bagi pekerja yang ditamatkan perkhidmatannya, sudah pasti beliau mahu mendapatkan keadilan melalui proses mahkamah. Dalam situasi ini, seseorang boleh bertindak secara sendiri tanpa perlu bertindak melalui peguam (diwakili peguam). Namun begitu, keterbatasan pengetahuan undang-undang memerlukan untuk mendapatkan khidmat nasihat guaman agar keadilan dapat dilakukan secara adil dan saksama. Dalam hal ini, ada sebilangan ahli masyarakat yang memerlukan bantuan guaman kerana tidak mampu untuk mendapatkan khidmat guaman daripada firma guaman swasta. Berdasarkan situasi ini, adalah wajar bantuan guaman diberikan kepada golongan ini sebagai suatu bentuk aktiviti khidmat masyarakat.

Masalah-masalah tersebut bertambah runcing apabila ada kelompok masyarakat ini kehilangan punca pendapatan dan terus dihimpit dengan masalah kewangan berterusan. Ini sudah pasti menjejaskan usaha untuk mendapatkan khidmat nasihat yang berpatutan dari segi undang-undang secara berbayar.

Maka, perbincangan ini adalah bersandarkan perkara berikut: (a) masalah kesihatan mental kesan kehilangan pekerjaan akibat daripada wabak COVID-19; (b) pandangan Islam mengenai amalan memberi bantuan; (c) bentuk bantuan guaman yang amat diperlukan oleh golongan ini; (d) organisasi-organisasi utama yang dapat menyalurkan bantuan guaman kepada golongan yang memerlukan dalam situasi wabak COVID-19; dan (e) cabaran yang dihadapi oleh pemberi bantuan guaman.

## **KEHILANGAN PUNCA PENDAPATAN DAN TEKANAN MENTAL**

Kebanyakan penulisan mengaitkan pelbagai masalah timbul dalam masyarakat adalah berpunca daripada wabak COVID-19. Hasil kajian yang dilakukan oleh Hemavathi Shanmugam et al. (2020) berkaitan kesan COVID-19 menunjukkan terdapat kenaikan dalam masalah kesihatan mental dalam kalangan ahli masyarakat yang digambarkan sebagai "anxiety disorders, posttraumatic stress disorders, obsessive-compulsive disorders and aversive social effects of isolation". Hasil kajian sebegini diperkukuhkan lagi dengan pandangan beberapa tokoh yang diterbitkan oleh akhbar tempatan di media sosial.

Kebanyakan akhbar tempatan turut melaporkan bahawa desakan ekonomi dan kehilangan pekerjaan dikaitkan dengan peningkatan kes perceraian dan kesihatan mental. Misalnya, Utusan Malaysia telah memetik pandangan Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Jufitri Joha iaitu:

*"Ada dalam kalangan anak muda mengadu mengenai masalah perceraian selepas sudah tidak mampu menanggung pasangan masing-masing selepas kehilangan kerja dan perniagaan 'lingkup' dalam tempoh PKP. Masalah perceraian ini juga didapati meningkat sepanjang tempoh PKP."*

*"Kita juga menerima laporan mengenai cubaan membunuh diri dan mereka yang menghadapi tekanan atau masalah kesihatan mental akibat desakan ekonomi."* (Utusan Online, 9 Mei 2021)

Utusan Malaysia turut melaporkan tentang peningkatan kes perceraian akibat daripada wabak COVID-19. Akhbar tersebut telah memetik pandangan Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah, Datuk Dr. Mohd. Naim Mokhtar yang menyatakan bahawa "terdapat sejumlah 6,569 kes perceraian yang didaftarkan sepanjang tempoh tiga bulan pertama PKP dari 18 Mac hingga 18 Jun 2020" (Utusan Online, 9 Mei 2021). Pecahan kes perceraian antara negeri antara tempoh 18 Mac hingga 18 Jun 2021 menunjukkan Kelantan mencatatkan 659 kes selepas Selangor (1,252) dan Kedah dengan 697 kes. Ini bermakna secara purata terdapat tujuh kes cerai setiap hari sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Berita Harian telah memetik pandangan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres iaitu:

*"Bagi ramai wanita dan kanak-kanak perempuan, mereka berdepan ancaman lebih besar ketika berada di rumah iaitu tempat yang sepatutnya paling selamat. Beberapa minggu lalu dalam keadaan tekanan ekonomi dan sosial, selain kebimbangan mula meningkat dalam kalangan masyarakat, terdapat banyak kes penderaan domestik global yang dilaporkan. Saya menggesa kerajaan di seluruh dunia mengambil langkah pengawalan*

*dan turut memfokuskan kepada penderaan wanita sebagai salah satu pelan responsif bagi COVID-19." (Berita Online, 6 April 2020).*

Berdasarkan rujukan di atas, adalah jelas wabak Covid-19 telah meninggalkan kesan kepada hubungan kekeluargaan dan menimbulkan isu kekeluargaan seperti perselisihan faham, penderaan dan perceraian.

Baru-baru ini, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba mengaitkan faktor-faktor seperti stres keterlaluan, murung, hilang harapan untuk meneruskan kehidupan, hilang sumber pendapatan, perselisihan dengan pasangan serta keluarga, stigma terhadap jangkitan dan kurang akses terhadap bantuan fasa PKP sebagai penyumbang kepada gangguan kesihatan mental (Astro Awani, 2021). Kesihatan mental seseorang individu akan merudum bila berlakunya gabungan beberapa masalah yang berkait-rapat antara satu sama lain iaitu kehilangan punca pendapatan dan masalah keluarga. Sekiranya tidak dapat dikawal, maka penderita mungkin akan terdedah kepada percubaan untuk bunuh diri. Statistik Polis pula menunjukkan bahawa 83.5% daripada 1,708 kes bunuh diri yang dilaporkan pada tahun 2019 hingga Mei 2021 adalah perempuan; manakala lebih daripada separuh kematian secara bunuh diri adalah mangsa berumur dalam lingkungan 15 hingga 18 tahun (CodeBlue, 1 Julai 2021).

Secara perbandingan pula, indeks jenayah kebangsaan (national crime index) setakat Mei 2021 pula adalah masih di bawah kawalan semenjak pengenalan kawalan pergerakan (News Straits Times, 2021). Sungguhpun begitu, ini tidak bermakna golongan tidak berkemampuan (terutamanya yang kehilangan punca pendapatan) akan dianggap mampu untuk mendapatkan khidmat guaman berbayar.

## **PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN BANTU-MEMBANTU SESAMA INSAN**

Kehilangan pekerjaan menyebabkan kesusahan kepada diri orang yang kehilangan pekerjaan atau punca pendapatan dan juga keluarganya. Dalam situasi begini, Islam sangat menekankan sikap saling bantu-membantu sesama insan. Firman Allah (SWT) bermaksud:

*"Dan tolong-menolonglah kamu dalam melakukan kebaikan dan ketakwaan, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat berat seksaan-Nya."*

(Al-Qur'an. al-Ma'idah, ayat 2)

Di samping itu, Islam juga menekankan amalan menolong serta membimbing orang yang melakukan kezaliman dan juga yang dizalimi.

Daripada Jabir (r.a.) katanya:

*"Dua orang pemuda berkelahi. Yang satu pemuda Muhajirin dan satu lagi pemuda Ansar. Maka orang-orang Muhajirin berteriak mengelukan pemuda Muhajirin, Ayo Muhajirin! Dan orang-orang Ansar berteriak mengelukan pemuda Ansar, Ayo Ansar! Mendengar terikan-teriakan itu Rasulullah s.a.w. keluar lalu beliau berkata, "Mengapa ini, berteriak-teriak seperti orang-orang Jahiliyah" Jawab mereka, "Tidak apa-apa, ya Rasulullah! Dua orang pemuda berkelahi, mereka saling memukul." Sabda Nabi s.a.w. "Tidak mengapa. Seseorang hendaklah menolong saudaranya yang zalim maupun yang dialimi. Jika dia zalim cegahlah dia, dan jika dizalimi bantulah dia!"*

Shahih Muslim (Terjemahan Hadis), Jilid I, II, III, IV, Hadis 2213-2214 )

Dari Abu Hurairah (r.a.), Nabi (SAW), bersabda:

*"Barang siapa yang melepaskan satu kesusahan seorang mukmin, pasti Allah akan melepaskan darinya satu kesusahan pada hari kiamat. Barang siapa yang menjadikan mudah urusan orang lain, pasti Allah akan memudahkannya di dunia dan di akhirat. Barang siapa yang menutupi aib seorang muslim, pasti Allah akan menutupi aibnya di dunia dan di akhirat. Allah senantiasa menolong hamba Nya selama hamba Nya itu suka menolong saudaranya".*

(HR Muslim)

Secara aplikasinya, ini bermaksud bantuan haruslah diberi kepada mereka yang mengalami kesusahan. Di samping itu, bantuan juga harus diberikan kepada mereka yang melakukan kezaliman (seperti majikan yang membuang pekerja tanpa alasan yang munasabah dan juga pekerja yang menjadi mangsa pembuangan kerja).

## **BENTUK BANTUAN GUAMAN YANG AMAT DIPERLUKAN OLEH GOLONGAN INI**

Berdasarkan kepincangan yang berlaku dalam masyarakat akibat daripada wabak COVID-19, penekanan harus diberikan terhadap bentuk bantuan guaman yang boleh disalurkan dalam menangani isu permasalahan rumahtangga, tuntutan harta perkahwinan, hutang piutang, kebangkrapan dan sebagainya. Isu-isu tersebut melibatkan pelbagai prosiding di mahkamah seperti jenayah, sivil (tuntutan hutang) dan kekeluargaan (sivil dan syariah). Prosedur penyelesaian juga tidak terhad kepada penyelesaian melalui perbincangan penuh di mahkamah tetapi juga penyelesaian persengketaan secara sulh, mediasi dan penyelesaian berdasarkan persetujuan bersama di luar mahkamah.

Lazimnya, tujuan utama suatu pihak perlu berurusan atau diwakili oleh peguam adalah sekiranya beliau mempunyai kemusykilan terhadap suatu perkara yang

melibatkan isu perundangan. Pertemuan dengan peguam mungkin akan berlanjutan sekiranya perkara atau suatu isu terpaksa diselesaikan secara adil di mahkamah. Dalam kepincangan hidup akibat kehilangan pekerjaan yang disebabkan oleh wabak COVID-19, seseorang mungkin menghadapi masalah kewangan untuk untuk mengupah peguam untuk mewakilinya dalam kes sivil dan jenayah. Dalam keadaan di mana kedua-dua Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP, janji temu bersama peguam bagi urusan penasihatian masih boleh dilakukan melalui platform dalam talian.

Bantuan guaman yang diperlukan adalah berhubung dengan isu rumahtangga, di mana nasihat peguam harus diperoleh mengenai perceraian, pembubaran perkahwinan, penderaan, hak jagaan (hadhanah), nafkah isteri dan nafkah anak, isu pusaka, pembahagian harta sepencarian serta perkara berhubung dengan pembahagian harta pusaka si mati. Organisasi yang dapat menyalurkan bantuan guaman adalah seperti organisasi kerajaan (Jabatan Bantuan Guaman Malaysia dan Yayasan Bantuan Guaman Kerajaan) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Persatuan Guaman Syarie Malaysia (PGSM) Pertubuhan Sukarelawan Peguam Malaysia (SukaGuam), dan tidak ketinggalan, Klinik Guaman yang ditubuhkan oleh Universiti Awam/swasta. Pusat Bantuan Guaman Kuala Lumpur pula mempunyai banyak program (seperti LAC Walk in Clinic, Syariah legal Clinic, Dock Brief Program, Community Legal Aid Clinic, LAC Prison Program dan Urgent Arrest) yang berbentuk bantuan guaman.

## **ORGANISASI YANG MENYALURKAN BANTUAN GUAMAN**

Khidmat yang ditawarkan oleh beberapa organisasi utama yang dapat menyalurkan bantuan guaman percuma kepada golongan yang memerlukan dalam situasi wabak COVID-19 adalah seperti berikut:

### **Jabatan Bantuan Guaman Malaysia**

Lazimnya, penasihatian peguam mengenai isu perundangan perlu dibayar. Terdapat juga organisasi bukan kerajaan (NGO) yang memberi bantuan guaman secara percuma. Jabatan Bantuan Guaman Kerajaan memberikan khidmat bantuan guaman kepada rakyat Malaysia yang layak berpandukan Jadual Keempat Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta 26) dengan fi pendaftaran sebanyak RM2.00 (seksyen 16(B) Akta 26).

Kelayakan untuk mendapat Bantuan Guaman dibahagikan kepada dua kategori. Kategori I (sumber kewangan tahunan yang berjumlah RM30,000 dan ke bawah); manakala Kategori II (sumber kewangan tahunan melebihi RM30,000 tetapi tidak melebihi RM50,000). Di bawah subseksyen 3(2) Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman

2017 (Akta 1548) pula menyatakan permohonan untuk bantuan guaman dalam kes sivil dan kes jenayah adalah dengan menggunakan Borang 1 Jadual Pertama da memenuhi kriteria dan ujian kemampuan menurut Peraturan-peraturan bantuan Guaman (kriteria dan Ujian Kemampuan) 2017 [P.U. (A) 370/2017].

Perkhidmatan yang diberikan adalah pada kadar yang lebih rendah beserta fi pendaftaran sebanyak RM10.00 berbanding dengan caj perkhidmatan yang ditawarkan oleh peguam swasta. Antara bidang kuasa JBG adalah meliputi perkara berkaitan dengan penasihat dan perkara berkaitan litigasi jenayah, sivil, keluargaan (sivil dan jenayah). (Jabatan Bantuan Peguam Malaysia, <http://www.jbg.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/litigasi#ii-prosiding-sivil>).

Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) pula mengendalikan kes jenayah yang melibatkan warganegara.

JADUAL KEDUA [Seksyen 10] dalam Jadual Kedua Akta Bantuan Guaman 1971 memperuntukkan bantuan guaman dalam kes-kes:

1. Semua prosiding jenayah di mana tertuduh tidak diwakili oleh peguam mengaku salah kepada pertuduhan dan ingin membuat rayuan untuk meringankan hukuman berkenaan dengannya;
2. Prosiding jenayah di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]; dan
3. Prosiding jenayah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [Akta 336]

JADUAL KETIGA [Seksyen 12] Akta 26 memperuntukkan bantuan guaman dalam prosiding sivil bagi kes-kes sivil berikut:

1. Prosiding di bawah Akta Perempuan Bersetia dan Anak-Anak (Nafkah) 1950 [Akta 263]
2. Prosiding di bawah Ordinan Nafkah 1959 (Sabah No. 7 tahun 1959)
3. Prosiding di bawah Ordinan Perkahwinan Adat Bumiputera Sarawak (Nafkah) 2003 [Bab 55]
4. Prosiding di bawah Akta Perintah Nafkah (Kemudahan bagi Penguatkuasaan) 1949 [Akta 34] untuk perintah sementara
5. Prosiding di bawah Akta Perempuan Bersetia dan Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 [Akta 356]
6. Hak dan tanggungan mengenai prosiding perceraian dan jagaan
7. Hak dan tanggungan di bawah Akta Pengangkatan 1952 [Akta 257]
8. Hak dan tanggungan di bawah Ordinan Pengangkatan 1960 (Sabah No. 23 tahun 1960)
9. Prosiding di bawah Ordinan Pengangkatan Sarawak (Bab 91)

10. Hak dan tanggungan di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98]
11. Permohonan Probet dan Surat Mentadbir Pusaka
12. Hak dan tanggungan di bawah Ordinan Probet dan Pentadbiran 1947 Sabah (Bab 109)
13. Hak dan tanggungan di bawah Ordinan Pentadbiran Harta Pusaka Sarawak (Bab 80)
14. Hak dan tanggungan di bawah Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) 1967 [Akta 528]
15. Hak dan tanggungan mengenai tindakan sivil bagi ganti rugi yang berbangkit daripada kemalangan yang melibatkan kenderaan bermotor yang termasuk dalam pengertian Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]
16. Hak dan tanggungan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400]
17. Hak dan tanggungan mengenai prosiding yang berhubungan dengan penyewaan
18. Hak dan tanggungan di bawah Akta Sewa Beli 1967 [Akta 212]
19. Tuntutan pengguna

JADUAL KETIGA [Seksyen 12] Akta 26 juga memperuntukkan perkhidmatan berkaitan dalam Mahkamah Syariah iaitu:

1. Prosiding yang berhubungan dengan pertunangan (ganti rugi), nafkah, jagaan, perceraian, hutang perkahwinan, mutaah dan harta sepencarian
2. Prosiding yang berhubungan dengan alang semasa hidup (hibah) dan wasiat.

JADUAL KEEMPAT [Subseksyen 29(1)] Akta 26 pula memperuntukkan perkhidmatan bantuan guaman dalam segala perkara yang boleh diberi nasihat guaman.

### **Persatuan Guaman Syarie Malaysia (PGSM)**

Klinik Guaman Syarie (KGS) yang ditubuhkan oleh PGSM memberi khidmat nasihat diberikan secara percuma oleh sukarelawan PGSM yang juga merupakan Peguam Syarie. Nasihat guaman secara percuma diberikan melalui Klinik Guaman Syarie (KGS) oleh sukarelawan PGSM yang juga merupakan Peguam Syarie dan juga Program Konsultasi Guaman Syariah Secara Atas Talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (Harian Metro, 2020).

### **Pertubuhan Sukarelawan Peguam Malaysia (SukaGuam)**

SukaGuam merupakan sebuah pertubuhan yang terdiri daripada para peguam yang memberi perkhidmatan guaman / undang-undang kepada rakyat Malaysia di dalam

dan luar negara. Kebanyakan mereka memberi nasihat undang-undang secara percuma, jika memenuhi beberapa kriteria.

Antara kes yang menjadi tumpuan ialah isu [perkahwinan](#), [perceraian](#), [nafkah](#), [wasiat](#), [harta pusaka](#), [pembelian hartanah](#), pembuangan kerja secara tidak adil dan hak-hak ketika ditahan polis (<https://ms.wikipedia.org/wiki/SukaGuam>).

### **Klinik Bantuan Guaman Universiti**

Terdapat beberapa universiti yang mengendalikan klinik bantuan guaman seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kolej Universiti Antarabangsa Islam Selangor (KUIS).

Sebagai contohnya, Klinik Guaman USIM menawarkan e-Konsultasi secara percuma bagi memudahkan ahli masyarakat untuk mendapat khidmat guaman dalam undang-undang sivil (jual beli rumah/tanah, penamatan pekerjaan dan isu persyarikatan) dan undang-undang Syariah (perkahwinan dan urus harta pusaka (faraid) (<https://m.facebook.com/Klinik-Guaman-USIM-358524191677460/>)). Maklumat perkhidmatan tertera dalam muka bukunya dan Instagram. Khidmat konsultasi percuma bagi perkara sivil dan Syariah bermula dari 9:00 pagi -5:00 petang dengan bantuan panel peguamnya dan perkhidmatan dibuat berdasarkan janji temu / pertanyaan dan diadakan dengan menggunakan platform Aplikasi ZOOM. Klinik tersebut juga aktif menganjurkan webinar tentang bicara isu Syariah dan Undang-Undang melalui penggunaan aplikasi ZOOM dan muka buku dengan mengetengahkan penasihat dalam isu-isu kekeluargaan dan masyarakat. Program berjaya dilaksanakan dan mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada masyarakat sekitar. Program dianjurkan dengan menjemput para panelis dari kalangan pakar termasuk pengamal undang-undang/Syariah. Misalnya, beberapa program yang dianjurkan adalah seperti: "Isu-isu Berbangkit dari Hak Penjagaan Anak" yang diadakan pada 28 Jun 2021, "Isu dan Persoalan Cerai – dari sudut Undang-Undang Keluarga Islam" yang diadakan pada 23 Jun 2021, "Ruju' vs. Tidak Rujuk" pada 30 Jun 2021 dan "I-Nasehat – Menjawab Persoalan Undang-Undang Keluarga dan Harta" pada 6 Julai 2021).

Klinik Bantuan Guaman UM pula memberi penasihat berdasarkan kekuatan kes pelanggan serta memberikan pilihan jalan penyelesaian terbaik. Walau bagaimanapun, klinik bantuan ini tidak mewakili kes di mahkamah tetapi boleh memanjangkan kes kepada badan perundangan yang bersesuaian dengan fi yang minima. Program celik undang-undang juga dijalankan oleh para pelajar undang-undang melalui *Community Outreach Programme* sebagai satu bentuk khidmat

masyarakat. (<https://kbg.um.edu.my/community-outreach-programme>) (Klinik Bantuan Guaman Universiti Malaya`; <https://kbg.um.edu.my/perkhidmatan-kami>). Klinik Bantuan Guaman UKM pula memberikan khidmat nasihat undang-undang secara percuma dan memberi khidmat nasihat kes sivil dan syariah. Pelanggan akan memberi briefs kepada pelajar bertugas yang kemudiannya akan merujuk kepada pensyarah yang telah memberi persetujuan untuk memberi khidmat di klinik mengikut bidang kepakaran pensyarah tersebut. Jika tidak terdapat kepakaran tersebut, kes akan dirujuk kepada peguam luar yang bersedia memberi khidmat di klinik. Apabila terdapat kes yang perlu di bawa ke mahkamah maka klinik ini akan memanjangkan kes ini samada ke Selangor Bar Committee atau Jabatan Bantuan Guaman Malaysia yang akan mewakili klien tanpa bayaran tetapi tertakluk dengan syarat pendapatan bulanan yang telah ditetapkan. (Klinik Bantuan Guaman UKM; <http://www.ukm.my/monline/khidmat-bantuan-guaman-percuma-di-ukm.html>).

Klinik Rundingcara Syariah & Undang-undang KUIS pula memberi peluang kepada ahli masyarakat yang berhadapan dengan masalah kekeluargaan Islam mendapatkan khidmat nasihat guaman syarie secara percuma dengan kerjasama Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM). Pihak PGSM akan menghantar wakil Peguam Syarie mereka bagi memberi khidmat nasihat guaman syarie secara percuma di Klinik Rundingcara Syariah dan Undang-undang ini. Antara kes-kes yang dikendalikan di Klinik Guaman syarie ini seperti; pendaftaran pernikahan, wali hakim, poligami, perceraian, tuntutan mutaah, nafkah iddah, hak jagaan anak, nafkah anak, harta sepencarian dan harta pusaka (faraid) yang mana kesemua kes-kes ini melibatkan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Klinik Rundingcara Syariah & Undang-undang KUIS; <http://fsu.kuis.edu.my/krc-latar-belakang>).

Secara kesimpulannya, tujuan penubuhan klinik guaman di universiti adalah untuk membantu ahli masyarakat dengan memberi nasihat guaman secara percuma dan seterusnya dapat mencari jalan dalam penyelesaian masalah yang dihadapi mereka.

## **CABARAN DALAM MEMBERI BANTUAN GUAMAN SEMASA WABAK COVID-19**

Pelbagai bentuk perintah kawalan pergerakan iaitu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang diperkenalkan untuk melandaikan lengkuk penularan wabak COVID-19 sudah pasti sedikit sebanyak memberi kesan kepada aktiviti kemasyarakatan ini. Dalam situasi begini, pemberian bantuan guaman secara bersemuka adalah secara minimal dan banyak bergantung kepada kaedah penasihatn secara dalam talian. Misalnya, program khidmat nasihat guaman percuma yang dianjurkan Yayasan Policy And

Economic Affairs Centre of Malaysia Foundation (Peace) dengan kerjasama Kumpulan Media Karangkrak terpaksa menghad jumlah pelanggan bagi mematuhi SOP semasa PKPP. Walau bagaimanapun, organisasi tersebut masih mampu melayan pelanggan yang hadir secara bersemuka di samping memberi khidmat nasihat secara percuma melalui dalam talian bagi masalah seperti isu tuntutan harta sepencarian, tuntutan nafkah serta fasakh dan nafkah tertunggak (Sinar Harian, 2020).

Organisasi dan pemberi bantuan guaman juga dikehendaki patuh kepada Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 [Peraturan 17 P.U. (A) 278/2021](Akta 342). Di samping itu, organisasi dan pemberi bantuan guaman juga tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM, laporan *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) dan penilaian risiko KKM serta arahan semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

Memandangkan pemberi bantuan guaman adalah terdiri daripada peguam bertauliah dan beramal, mereka juga dikehendaki mematuhi peraturan berkaitan perkhidmatan guaman yang dikeluarkan oleh MKN dari semasa ke semasa. Misalnya, perkhidmatan guaman itu sendiri tidak dapat beroperasi di sepanjang tempoh PKP apabila Kerajaan mengumumkan pada 30 Mei 2021 bahawa sektor perkhidmatan guaman bukan berada di bawah kategori perkhidmatan perlu (*essential services*). Maka, dengan itu, perkhidmatan guaman tidak dapat beroperasi di sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Fasa Pertama dari 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021. Operasi firma guaman yang terbantut akibat daripada larangan beroperasi bukan sahaja memberi kesan kepada 'survival' tetapi juga kepada semangat untuk memberi khidmat nasihat guaman percuma terutamanya kepada ahli masyarakat yang kehilangan pekerjaan.

Walaupun bagaimanapun, Sidang Khas MKN pada 31 Mei 2021 memberi nafas baru kepada peguam yang mengendalikan kes jenayah untuk hadir secara fizikal di mahkamah bagi mewakili anak guam dalam kes yang melibatkan pertuduhan baharu, penahanan perintah reman dan permohonan jenayah pelbagai (BHEUU-PKP-SOP-Perkhidmatan-Berkaitan-Guaman, 28 Jun 2021). Ini membolehkan khidmat nasihat guaman percuma dan perwakilan dalam kes jenayah dilakukan. Seterusnya, kelonggaran tambahan juga diberikan kepada firma guaman yang beroperasi di Kawasan PKPD di Selangor dan Kuala Lumpur untuk beroperasi dari 6 hingga 16 Julai 2021 berdasarkan justifikasi bahawa firma guaman perlu untuk menyokong operasi sektor perlu yang lain serta melancarkan urusan dengan mahkamah dan badan kerajaan yang lain. Meskipun begitu, syarat beroperasi yang bersandarkan "hanya dua orang pekerja atau 20 peratus daripada jumlah bilangan pekerja, yang mana lebih tinggi, dibenarkan beroperasi dari pejabat dan waktu ditetapkan antara pukul 9 pagi sehingga 1 tengah hari" akan memberi kesan kepada pemberian khidmat

bantuan guaman. Mungkin, khidmat bantuan guaman akan dilakukan secara berkesan dalam talian di 'luar waktu pejabat'.

Pengoperasian firma guaman di sepanjang tempoh PKP dengan syarat pematuhan SOP yang ditetapkan akan membolehkan peguam sukarela untuk memberi bantuan guaman percuma kepada individu yang kurang berkemampuan yang menghadapi tekanan akibat daripada dikenakan kompaun mengikut Seksyen 25 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 ataupun penalti di bawah Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 Ordinan Darurat 2021 (Akta 342).

## KESIMPULAN

Masalah kehilangan punca pendapatan kesan daripada wabak COVID-19 mencetuskan pelbagai masalah perundangan dan sosial bersangkutan dengan kehidupan individu, keluarga dan masyarakat.

Bantuan guaman percuma atau pada kadar yang berpatutan adalah suatu yang amat diperlukan oleh golongan masyarakat yang memerlukan bantuan guaman tetapi berhadapan dengan masalah untuk membayar fi guaman yang dikenakan oleh peguam swasta.

Lazimnya, kebanyakan organisasi yang menghulurkan bantuan guaman beroperasi melalui dalam talian dalam menangani penularan wabak COVID-19. Kesanggupan pihak-pihak ini dalam menyalurkan khidmat bantuan guaman kepada ahli masyarakat amat dihargai dan disanjung tinggi terutamanya dalam kes yang melibatkan kepentingan awam. Namun begitu, penglibatan mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran dan isu perundangan semasa melaksanakan khidmat guaman di sepanjang tempoh PKP. Oleh itu, galakan harus diberikan kepada peguam sukarela, badan bukan kerajaan (NGO) dan juga universiti yang menubuhkan klinik guaman untuk berganding bahu membantu ahli masyarakat yang memerlukan penasihat guaman terutamanya yang terkesan dengan wabak COVID-19.

## RUJUKAN

- Al-Qur'an Al-Karim (Al-Quran tafsir Bil Hadis) (Terjemahan & Tajwid Berwarna), Karya Bestari, Selangor, Malaysia.
- Aliyah Fatin Abdul Aziz. Khidmat Bantuan Guaman Percuma Di UKM. <<http://www.ukm.my/monline/khidmat-bantuan-guaman-percuma-di-ukm.html>> (4 Julai 2021).
- CodeBlue. (1 Julai 2021). <<https://codeblue.galencentre.org/2021/07/01/malaysia-records-three-daily-suicides-this-year-up-to-may/>> (akses 3 Julai 2021).

- n.a. "Tujuh kes cerai sehari di Kelantan sepanjang tempoh PKP". Malaysiadateline, <https://malaysiadateline.com/tujuh-kes-cerai-sehari-di-kelantan-sepanjang-tempoh-pkp/> (akses 8 Julai 2021).
- Faris Fuad (13 Mei 2021). <<https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2021/05/690010/national-crime-index-declined-during-mco>> (akses 3 Julai 2021).
- Hasniza Hussain. (17 Julai 2020). Sinar Harian. <<https://www.sinarharian.com.my/article/92517/BERITA/Nasional/Khidmat-guaman-percuma-bantu-individu-bermasalah>> (akses 4 Julai 2021).
- Hemavathi Shanmugam, Johan Ariff Juhari, Pritiss Nair, Chow Soon Ken, Ng Chong Guan (2020). "Impacts Of Covid-19 Pandemic On Mental Health In Malaysia: A Single Thread Of Hope Malaysian". *Journal of Psychiatry EJournal*, [Vol 29, No 1 \(2020\)](http://www.mjpsychiatry.org/index.php/mjp/article/view/536). <http://www.mjpsychiatry.org/index.php/mjp/article/view/536> (akses 3 Julai 2021).
- Hazlin Hassan, "Malaysia sees rise in suicides and calls to helplines amid Covid-19 pandemic". <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/malaysia-sees-rise-in-suicides-and-calls-to-helplines-amid-covid-19-pandemic> (akses 15 Julai 2021).
- Hafiz Mutalib. 2021. "Masalah mental, penceraian belia membimbangkan semasa PKP". Utusan Malaysia. (9 Mei 2021). <<https://www.utusan.com.my/nasional/2021/05/masalah-mental-penceraian-belia-membimbangkan-semasa-pkp/>> (akses 10 Julai 2021).
- Jabatan Bantuan Peguam Malaysia, <http://www.jbg.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/litigasi#ii-prosiding-sivil> (akses 3 Julai 2021).
- Klinik Bantuan Guaman Universiti Malaya <<https://kbg.um.edu.my/perkhidmatan-kami>>; <https://kbg.um.edu.my/community-outreach-programme> (akses 2 Julai 2021).
- Klinik Bantuan Guaman Universiti Kebangsaan Malaysia; <http://www.ukm.my/online/khidmat-bantuan-guaman-percuma-di-ukm.html>> (akses 4 Julai 2021)
- Klinik Guaman Universiti Sains Islam Malaysia <<https://m.facebook.com/Klinik-Guaman-USIM-358524191677460/>> (akses 5 Julai 2021).
- Klinik Rundingcara Syariah & Undang-undang Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor; <<http://fsu.kuis.edu.my/krc-latar-belakang>> (akses 6 Julai 2021).
- Klinik Bantuan Guaman Universiti Malaya. <<https://kbg.um.edu.my/perkhidmatan-kami>> (4 Julai 2021).
- Kolej Universiti Antarabangsa Islam Selangor (KUIS) Klinik Rundingcara Syariah & Undang-undang <<http://fsu.kuis.edu.my/krc-latar-belakang>>. (4 Julai 2021).
- Norashikin Sharifuddin, et. al (2020). "Pemansuhan Jenayah Cubaan Bunuh Diri Di Bawah Seksyen 309 Kanun Keseksaan: Bersediakah Malaysia?" *Persediaan INSLA E-Proceedings*, Vol. 3, No.1, pp. 86 - 94 | OCTOBER 2020.

[https://www.researchgate.net/publication/345649312\\_PEMANSUHAN\\_JENAYAH\\_CUBAAN\\_BUNUH DIRI DI BAWAH\\_SEKSYEN\\_309\\_KANUN\\_KESEKSAAN\\_BERSEDIKAH\\_MALAYSIA\\_DECRIMINALISATION\\_OF\\_SUICIDE\\_ATTEMPT\\_UNDER\\_SECTION\\_309\\_OF\\_THE\\_PENAL\\_CODE\\_IS\\_MALAYSIA\\_READY/link/5fa9f1c3a6fdcc0624230b8f/download](https://www.researchgate.net/publication/345649312_PEMANSUHAN_JENAYAH_CUBAAN_BUNUH DIRI DI BAWAH_SEKSYEN_309_KANUN_KESEKSAAN_BERSEDIKAH_MALAYSIA_DECRIMINALISATION_OF_SUICIDE_ATTEMPT_UNDER_SECTION_309_OF_THE_PENAL_CODE_IS_MALAYSIA_READY/link/5fa9f1c3a6fdcc0624230b8f/download) (akses 10 Julai 2021).

n.a. "Masalah kekeluargaan berkaitan perselisihan faham dan perceraian - Kes dera wanita meningkat sepanjang COVID-19 – PBB" (6 April 2020). BHONLINE <<https://www.bharian.com.my/dunia/amerika/2020/04/673492/kes-dera-wanita-meningkat-sepanjang-covid-19-pbb>> (akses 9 Julai 2021).

n.a. "[Kesihatan mental: 91.2 peratus dari 100,000 panggilan yang diterima perlukan sokongan emosi, kaunseling](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesihatan-mental-912-peratus-dari-100000-panggilan-diterima-perlukan-sokongan-emosi-kaunseling)" <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kesihatan-mental-912-peratus-dari-100000-panggilan-diterima-perlukan-sokongan-emosi-kaunseling-300123> (akses 8 Julai 2021).

n.a. "Perkhidmatan Berkaitan Guaman (PKP)". (28 Jun 2021). <<https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/BHEUU-PKP-SOP-Perkhidmatan-Berkaitan-Guaman->> (akses 8 Julai 2021).

n.a. "PKPD: Firma guaman dibenar beroperasi dengan SOP ketat – Takiyudin". (4 Julai 2021). <<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkpd-firma-guaman-dibenar-beroperasi-dengan-sop-ketat-takiyudin-306527>>. (akses 2 Julai 2021).

n.a. "Kelayakan untuk mendapat Bantuan Guaman". <http://www.jbg.gov.my/index.php/ms-my/bantuan-guaman/kelayakan-untuk-mendapat-bantuan-guaman> (akses 3 Julai 2021).

Pertubuhan Sukarelawan Peguam Malaysia (SukaGuam (<https://ms.wikipedia.org/wiki/SukaGuam>)). (Akses 3 Julai 2021).

Shahih Muslim (Terjemahan Hadis), Jilid I, II, III, IV, Hadis 2213-2214 halaman 214-216, Darel Fajr Publishing House, Singapore.

Yusmizal Dollah. 2020. "Konsultasi syariah percuma". Harian Metro. <<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/563654/konsultasi-syariah-percuma>> (akses 10 Julai 2021).

### **Statut/Akta/Ordinan**

Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta 26)

Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988

Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021

Ordinan Darurat 2021 (Akta 342).

Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman 2017 (Akta 1548)

Peraturan-peraturan Bantuan Guaman (kriteria dan Ujian Kemampuan) 2017 [P.U. (A) 370/2017

**Rujukan Kes**

Hong Leong Equipment Sdn Bhd v Liew Fook Chuan [1996] 1 MLJ 481

Ang Beng Teik v Pan Global Textile Bhd, Penang [1996] 4 CLJ 313, CA

The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd v Chong Lee Fah [2003] 2 ILR 239; 2 [1997]  
1 MLJ 145